

SOALAN NO.: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : 16 OKTOBER 2014

SOALAN:

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sektor-sektor manakah di Malaysia yang menggunakan bio diesel secara meluas dan apakah cabaran yang bakal dihadapi oleh sektor-sektor baru yang ingin menggunakan bio diesel secara komersial.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun melaksanakan Program B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel fosil) mulai Jun 2011 bagi sektor bersubsidi. Ini melibatkan pengangkutan darat dan perikanan.

Program ini yang telah dimulakan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur pada Jun 2011, kini telahpun dilaksanakan sepenuhnya di Semenanjung, mulai bulan Mac 2014. Buat masa ini, pengangkutan darat dan perikanan di Semenanjung menggunakan sepenuhnya B5.

Kementerian sedang berkerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum bagi memperluas Program B5 ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksanaan Program B5 di kawasan ini dijangka akan dilaksanakan secara berfasa, mulai Oktober 2014 dan sepenuhnya pada bulan Disember 2014.

Sehubungan itu, Kementerian menggalakkan sektor-sektor lain termasuk sektor tidak bersubsidi untuk turut menggunakan biodiesel sawit.

Bagi menggalakkan penggunaan B5 di sektor industri, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melancarkan Skim Insentif Biodiesel Sawit (SIBS) pada Mac 2013. Skim ini menyediakan insentif sebanyak RM 300 se tan bagi penggunaan biodiesel di sektor berkenaan.

Sekian, terima kasih.